

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN**  
**RABU 20 FEBRUARI 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	LAWATAN MENTERI PERTANIAN KE MATU – DARO, TEMPATAN, UTUSAN SARAWAK -7 KAOHSIUNG MAYOR TO NOT MEET WITH AGRICULTURE MINISTER, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A13	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
3.	JABATAN PERIKANAN ANJUR PROGRAM COT, NEWS, BERITA HARIAN (SABAH AND SARAWAK) -2	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4.	BUNUH PEROSAK TERUMBU KARANG, NEWS, HARIAN METRO (SABAH AND SARAWAK) -3	
5.	858 COTs DESTROYED TP PROTECT CORAL REEFS, HOME, BORNEO POST (KK) -5	
6. 7.	FARMERS BEMOAN LACK OF ACTION OVER COWS' DEATHS, VIEWS, STAR -15 ISU ANJING LIAR DIBAWA KE PARLIMEN, UTUSAN KOTA, UM -44	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
8. 9.	KUMPUL USUL KE MESUARAT AGUNG UNIT PELADANG, ADUAN, SH -50 BERAS TEMPATAN..., TEMPATAN, UTUSAN SARAWAK -6	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
10. 11.	JANGAN LEBIH LAGAK DARI HORMAT, ADUAN, SH -50 NAFAS BAHRU PENGETAHUAN MAKANAN NEGARA, MUKA SEPULUH, BH -10	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
12.	PARAS AIR EMPANGAN MENURUN, NEGARA, KOSMO -10	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
13. 14. 15. 16.	DULU TERNAK, KINI PENGILANG MADU KELULUT, NEWS, BERITA HARIAN (TIMUR) -63 HARD TO RESOLVE ALL PROBLEMS THIS WEEK, NATION, KWONG WAH YIT POH -A7 APLIKASI BANTU KENALI DURIAN, MEGA SAINS, UM -22 MOHON SIJIL HALAL LAGI MUDAH, MEGA SAINS, UM -23	INSTITUT KEMAJUAN DAN PENYELIDIKAN PERTANIAN (MARDI)

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Lawatan Menteri Pertanian ke Matu-Daro		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	20 Feb 2019	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	7	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	725 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,373
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 7,118



# Lawatan Menteri Pertanian ke Matu-Daro

**DARO:** Pelancaran Pasar Tani Bersih di sini merupakan program rasmi pertama Dato' Salahuddin Ayub, di Bahagian Mukah semenjak beliau menerajui Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia.

Acara tersebut bermula dengan ketibaan beliau disambut oleh Pengurus Pasar Tani Daro, Noh@Mohamad Noh Bakri, di tapak berlokasi di tengah-tengah Pekan Daro, kira-kira 8.30 pagi 18 Februari lalu.

Selepas gimbik plancaran dilakukan, beliau meneruskan "Walkabout" ke gerai jualan dan beramah mesra sambil menyampaikan cenderahati kepada penjual menyertai Pasar Tani Bersih tersebut.

Antara produk menjadi tumpuan beliau ialah Udang Galah, Ikan Terubok, Sesar Unjur, Ulam-ulaman, product IAT(Industri Asas Tani), Sagu, Asam Payak digelarkan beliau sebagai Strawberry Lokal dan banyak lagi.

Setelah menghabiskan masa selama setengah jam, Salahuddin merakamkan foto kenangan bersama mereka yang hadir pada lawatan itu.

Kemudian, beliau bersama rombongan menuju ke Kilang Padi Pertubuhan Peladang Kawasan Daro (PPK DARO) berada kira-kira empat kilometer dari Pekan Daro.

Juga kelihatan dalam rombongan ialah Datin Fatimah Taha, Ahli Lembaga Pengarah FAMA, Mohd Fidzuan Zaidi,



**KENANGAN...** Merakamkan gambar kenangan bersama menteri pada majlis pelancaran Pelancaran Pasar Tani Bersih Pekan Matu.

Timbalan Pengarah FAMA Negeri Sarawak, Jaafar Lian, ketua-ketua jabatan, dan kakitangan AGRO Bank.

Lawatan beliau diselitkan dalam Program Kemasyarakatan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia yang merangkumi lawatan ke Rh Panjang Nangar Kecil Daro, Lawatan ke Ladang Lembu Tanjung Jol Matu, lawatan ke Kolam Ikan Tanjung Jol Matu, Pelepasan Benih Ikan, Penyerahan Bantuan Baja Ikan, lawatan ke Rumah Panjang Melau Kampung Sok Matu, lawatan ke kilang Chakoi Suzie(Agropreneur), ke Dewan Kobey Bey Bakri (Kursus Fertiqasi Hali oleh MARDI), Sesi Dialog di Dewan KEMAS dan Majlis Tazkirah di Masjid TAR Daro.

- Henry B Styu

**SEGAR...**...Salahuddin dan Fatimah melihat Udang laut semasa walkabout di Pasar Tani.



**SEDA...** Gimik pelancaran.



Headline	Kaohsiung Mayor to not meet with Agriculture minister		
MediaTitle	Oriental Daily News		
Date	20 Feb 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	85,616
Page No	A13	Readership	256,848
Language	Chinese	ArticleSize	116 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,034
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,103



# 高雄市长没会见农长

吉隆坡19日讯 |

高雄市长韩国瑜将在本月24日访问大马和新加坡，以推广高雄旅游和商贸，惟根据行程，韩国瑜在马期间并没有会见我国农业及农基工业部长沙拉胡丁阿育。

高雄市政府今天公布了韩国瑜的新马之行公开行程，韩国瑜24日上午8时30分搭华航从桃园机场直飞大马。在下午1时15分抵达后，将拜会大马贸易商，傍晚5时30分召开国际记者会，随后出席晚宴。

韩国瑜25日上午11时将与贸易商签约及举办推广会，下午1时30分与贸易商签约，结束后搭机前往新加坡。

根据台湾媒体报导，早前有消息指，韩国瑜将与农业部长沙拉胡丁阿育会面，当时农业部副部长沈志勤表示不知情。如今出访行程出炉，并没有会见农业部长的行程。韩国瑜28日下午2时05分从新加坡回国，预计傍晚6时45分抵达桃园机场。

Headline	Jabatan Perikanan anjur program COT		
MediaTitle	Berita Harian (Sabah and Sarawak)		
Date	20 Feb 2019	Color	Black/white
Section	News	Circulation	1,506
Page No	2	Readership	4,518
Language	Malay	ArticleSize	112 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 345
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,034



# Jabatan Perikanan anjur program COT

**Kota Kinabalu:** Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah, Datuk Junz Wong memuji inisiatif dan tindakan proaktif Jabatan Perikanan Sabah melaksanakan program pemusnahan makhluk perosak mahkota duri atau ‘crown of thorns’ (COT) yang menjadi ancaman kepada terumbu karang.

Program berkenaan dijalankan Jabatan Perikanan Sabah dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk penyertaan syarikat Ruby Lagoon Travel & Tour Sdn Bhd.

Operasi berkenaan diketuai Pengarah Perikanan Sabah, Dr Ahemad Sadi dan disertai 10 orang penyelam bertauliah iaitu lapan dari Jabatan Perikanan Sabah dan dua dari Ruby Lagoon.

Junz berkata, inisiatif Jabatan Perikanan Sabah memusnahkan 858 ekor makhluk perosak dalam sehari di perairan Tebah Batang, Tungku baru-baru ini, amat dialu-alukan.

Katanya, usaha yang dijalankan ini mampu membantu menyelamatkan habitat terumbu karang daripada terus terancam.

“Pemusnahan makhluk perosak dibuat dengan kaedah suntikan racun ke badan pemangsa terumbu karang berkenaan. Suntikan boleh menyebabkannya mati dalam tempoh 3 hingga 5 jam.

“Pembiakan makhluk perosak ini perlu dikawal sebelum ia mengakibatkan kemusnahan kepada terumbu karang di perairan kita,” katanya dalam kenyataan media, semalam.

Junz berkata, terumbu karang adalah flora dan fauna dasar laut dan sekiranya dibiarkan, industri pelancongan secara tidak langsung juga boleh terjejas.

Headline	Bunuh perosak terumbu karang		
MediaTitle	Harian Metro (Sabah and Sarawak)		
Date	20 Feb 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3,028
Page No	3	Readership	9,084
Language	Malay	ArticleSize	239 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,793
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,379



## Bunuh perosak terumbu karang

**Kota Kinabalu:** Inisiatif Jabolan Perikanan Sabah melaksanakan program pemusnahan makhluk perosak mahkota duri atau 'crown of thorns' (COT) yang mengancam terumbu karang disambut baik pelbagai pihak.

Program berkenaan dijalankan Jabatan Perikanan Sabah dengan kerjasama pelbagai pihak seperti syarikat Ruby Lagoon Travel & Tour Sdn Bhd.

Operasi membatitkan 10 penyelam bertauliah iaitu lapan daripada Jabatan Perikanan Sabah dan 2 lagi mewakili Ruby Lagoon diketuai pengarah Perikanan Sabah Dr Ahamad Sadl.

Menteri Pertanian dan In-

dustri Makanan Sabah, Datuk Junz Wong berkata, merupakan operasi dijalankan di perairan Tebah Batang, Tungku, penyelam memusnahkan 858 makhluk perosak.

Katanya, usaha dijalankan mampu membantu menyelamatkan habitat terumbu karang daripada terus terancam.

"Proses memusnahkan makhluk perosak dibuat dengan kaedah suntikan racun. Selepas tiga hingga lima jam makhluk perosak mati.

"Pembiacan makhluk perosak ini perlu dikawal sebelum ia mengakibatkan ke musnahannya kepada terumbu karang terus terpelihara.

tanya dalam kenyataan media, semalam.

Junz berkata, jika habitat terumbu karang musnah ia secara tidak langsung boleh menjadikan industri pelancongan tempatan.

"Ekosistem terumbu karang penuh dengan keunikan flora dan fauna akuatik. Selain itu terumbu karang juga penting bagi persekitaran marin kerana ia menjadi tempat pelbagai spesies ikan membiak," katanya.

Sehubungan itu, Junz menggalaukan penyertaan mana-mana pihak dalam program sedemikian bagi memastikan kelestarian terumbu karang terus terpelihara.



JABATAN Perikanan Sabah dalam melaksanakan program pemusnah makhluk perosak mahkota duri atau crown of thorns yang menjadi ancaman kepada terumbu karang.

Headline	858 COTs destroyed to protect coral reefs		
MediaTitle	Borneo Post (KK)	Color	Full Color
Date	20 Feb 2019	Circulation	19,988
Section	Home	Readership	59,964
Page No	5	ArticleSize	362 cm <sup>2</sup>
Language	English	AdValue	RM 2,018
Journalist	N/A	PR Value	RM 6,055
Frequency	Daily (EM)		



# 858 COTs destroyed to protect coral reefs

**KOTA KINABALU:** Agriculture and Food Industry Minister Datuk Junz Wong has lauded the Sabah Fisheries Department's proactive initiative in implementing the programme to destroy the crown of thorns (COT), which had been a threat to the State's coral reefs.

Junz made the statement following the department's successful attempt to destroy 858 COTs during its one-day operation that involved three dives in Tebah Batang, Tunku recently.

The ongoing programme was conducted by the Sabah Fisheries Department together with other parties as well as Ruby Lagoon Travel & Tour Sdn Bhd.

The operation was led by the department's director Dr Ahemad Sadi and 10 certified divers, eight of which were from the department itself and the other two from Ruby Lagoon.

"The purpose of the programme was to save the habitat of the coral reefs, which continues to be at risk," said Junz.

It is understood that the COTs were destroyed using the method of poisonous injections, which can lead to the death of a COT within three to five hours in sea water.

"The breeding of these COTs must be controlled before it could destroy our coral reefs," said Junz.

He added that coral reefs are part of the state's flora and fauna, which contribute to the tourism industry.

He also said that the coral reefs are important for the marine environment as it is placed where various species of fish would look for food, breed, grow and seek shelter," he added.



Ahemad and the certified divers from the Sabah Fisheries Department and Ruby Lagoon.



The crown of thorns which pose a threat to the state's coral reefs.

In line with this, Junz welcomed the participation of any parties who would like to support the said cause.

## Farmers bemoan lack of action over cows' deaths

INDIAN cattle farmers in Jeram, Selangor, who lost 50 cows in the last seven months, are disappointed with the lack of action by the authorities while they continue losing their herd, reported Tamil dailies.

Parthiban Suntharam, 45, said four of his cows died recently in the same area where 15 animals died late last year.

The most recent deaths have cost him about RM18,000 in losses, he said, adding the other farmers lost RM20,000 worth of cows.

The cattle farmers who are mostly former plantation workers in the area depend wholly on the animals for their livelihood.

They suspect the leachate from the landfill near the grazing area has been polluting the streams and ground, causing the cows to fall sick, said Parthiban.

The cattle farmers have reported the matter to the police and state assemblyman for Jeram Mohd Shaid Rosli, who was believed to have spoken to the Kuala Selangor municipal council.

The Selangor Veterinary Services Department took samples from the stream twice for testing, but the farmers have not been informed of the results, the farmer added.



**KHAIRY JAMALUDDIN** (empat dari kiri) bersama wakil penduduk Taman Lavender Heights dalam sesi perbincangan berhubung masalah anjing liar di perumahan itu, baru-baru ini.

## Isu anjing liar dibawa ke Parlimen

**SEREMBAN 19 Feb.** - Ahli Parlimen Rembau, Khairy Jamaluddin akan membawa masalah menangani anjing liar yang mengganggu penduduk ke Parlimen bagi mendesak satu kaedah penyelesaian terbaik dalam isu tersebut.

Beliau berkata, pembentangan itu dibuat berdasarkan kepada tiga prinsip utama iaitu menjamin keselamatan penduduk, menjaga kebersihan dan melindungi kebajikan haiwan.

"Kita perlu melihat semula Akta Kebajikan Haiwan 2015 kerana keutamaan perlu diberikan kepada keselamatan penduduk dan kebersihan premis dan pada masa sama mencari satu jalan penyelesaian yang tidak kejam terhadap haiwan," katanya dalam sidang akhbar selepas mengadakan perbincangan dengan Jawatankuasa Masjid Ibnu Khaldun Lavender Heights dan wakil penduduk Taman Lavender Heights di Senawang dekat sini.

Yang turut hadir, Pengerusi Masjid Ibu Khaldun, Mohd. Asra Amin.

Menurut Khairy, masalah anjing liar yang berkeliaran di Taman Lavender Heights masih belum selesai walau pun isu itu sudah dibangkitkan dalam sesi dialog antara penduduk dan Majlis Perbandaran Seremban (MPS) bulan lalu.

"Saya diberitahu, hanya dua ekor anjing liar dapat ditangkap daripada enam operasi pihak berkuasa tempatan (PBT) itu yang turut disertai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) selepas dialog berkenaan."

Jelasnya, beliau menyebut tentang undang-undang di bawah Akta Kebajikan Haiwan 2015 yang menghalang penganiayaan terhadap haiwan liar.

"Saya tidak menolak apa yang dilakukan oleh NGO yang memperjuangkan kebajikan haiwan dan saya akan menemui mereka untuk dapatkan maklum balas mereka," katanya.

Isu anjing liar mendapat perhatian masyarakat selepas tiga ekor anjing ditemukan mati dipercayai akibat diracun di Taman Lavender Heights.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/2/2019	SINAR HARIAN	ADUAN	50



## PENDAPAT

# Kumpul usul ke mesyuarat agung unit peladang

■ Mesyuarat Agung Unit-Unit Peladang ditangguhkan dari Februari ke Mac 2019. Tidak diketahui sebabnya. Itu urusan kementerian berkenaan dan Pendaftar Pertubuhan Peladang (LPP/Lembaga Pertubuhan Peladang) yang dipengerusikan orang baharu, Datuk Mazlan

Headline	BERAS TEMPATAN...		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	20 Feb 2019	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	6	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	308 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,008
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 3,024



**BERAS TEMPATAN...** Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia, Dato' Salahuddin Ayub melihat beras yang telah dibungkus di Daerah Daro pagi semalam. Ia adalah keluaran Kilang Padi Pertubuhan Peladang Kawasan Daro yang berada kira-kira 4 kilometer dari pekan Daro. Lawatan tersebut adalah bersempena dengan Program Kemasyarakatan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia selama dua hari di Kawasan Matu-Daro di Parlimen Igan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/2/2019	SINAR HARIAN	ADUAN	50

Aliman. Sempena penangguhan ini, memberi peluang unit-unit mencari usul-usul sesuai untuk dibawa ke mesyuarat agung masing-masing dan seterusnya (jika lulus) dibawa pula ke Mesyuarat Agung Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) mereka.

Antaranya, diadakan semula agenda pelantikan Ahli Jemaah Pengarah (AJP) oleh menteri seperti dilakukan lebih 10 tahun lalu. Kini tidak ada seorang AJP lantikan menteri, baik peringkat PPK, negeri-negeri dan kebangsaan (NAFAS). Mereka dilantik sekiranya kurangnya empat orang di peringkat PPK (dua ahli biasa, seorang Peladang Muda dan seorang ahli Peladang Nita).

Di peringkat negeri lima orang iaitu tiga ahli biasa, seorang wakil Peladang Muda dan seorang Peladang Nita. Peringkat NAFAS, enam orang lantikan menteri iaitu empat ahli biasa, seorang wakil Peladang Muda dan seorang Peladang Nita. Menteri juga dicadang melantik pengurusi dan timbalan pengurusi di peringkat kawasan, negeri dan NAFAS daripada kalangan ahli-ahli Jemaah Pengarah yang dilantik.

Kesemua dilantik mestilah ahli peladang yang aktif, tanpa had usia (budi bicara menteri) yang pasti dan penting sihat mental serta fizikal dan dipercayai banyak idea-idea bernes, memilih saham serendah RM1,00 dan yang menawarkan diri sebagai AJP kawasan perlu memiliki saham serendah RM500 manakala di peringkat negeri pula serendah RM1,000 dan di peringkat NAFAS adalah serendah RM2,000.

Untuk segera memantapkan gerakan Pertubuhan Peladang, cadangan ini wajar dilaksanakan sebelum unit-unit bermesyuarat dan dijadikan 'usul sokongan'. Di peringkat unit pula, pemilihan sekarang dikekalkan jika ada pencalonan lebih daripada satu untuk jawatan ketua, setiausaha, bendahari, dua AJK biasa, seorang wakil Peladang Muda dan seorang wakil Peladang Nita. - **Hashim Jaafar, Semerah**

### Jangan lebih lagak dari hormat

■ Banyak maklumat berhubung adanya ADUN-ADUN PH di Batu Pahat, terutama tentang sikap dan tugas mereka. Yang baik, Alhamdulillah. Yang kurang baik, terserah kepada anda. Rakyat, khususnya pengundi akan memerhati YB-YB ini sama ada mereka terpilih semula di PRU15 nanti atau dikecundangkan oleh calon-calon BN.

Wakil rakyat hari ini harus sedar, mereka tidak boleh lagi lebih lagak dari hormat. Gaji dan elauan yang diterima adalah sumbangan rakyat, terlalu mahal dan lebih-lebih. Rakyat hanya jegeh air liur. Mereka hampir 24 jam di bilik hawa dingin. Rakyat pula sentiasa berpanas dan berhujan (sebagai petani), bertarung ombak di lautan (sebagai

nelayan) dan berjualan di pinggir jalan (sebagai peniaga kecil di pasar-pasar tani dan pasar minggu).

Tentu lebih malang bila berwakil rakyat bukan anak tempatan. Mereka tidak dapat merasai cita rasa sebenarnya rakyat diwakili. Rakyat hari ini bukan kalangan yang kurang faham, malah lebih mengerti daripada wakil mereka. - **Dang Fillatina**

# Nafas baharu pengeluaran makanan negara

**Dari Kaca Mata**

**Prof Madya  
Dr Ahmad Zubir Ibrahim**

**Timbalan Dekan Pusat Pengajian Kerajaan Universiti Utara Malaysia (UUM)**

Warkah luahan rasa petani, peladang, peternak dan nelayan disampaikan Wak Ibas ketika Pelancaran Hala Tuju Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani: Prioriti & Strategi 2019-2020, amat menyentuh perasaan.

Ia menggambarkan realiti kehidupan dan tekanan golongan terbabit bagi meneruskan kehidupan. Dengan sisa hidup dimiliki, mereka setia menyumbang kudrat bagi menjamin keselamatan bekalan makanan negara, walaupun dibebani kekangan. Ia juga gambaran sebenar industri pengeluaran makanan negara. Hala tuju dilancarkan itu menggariskan keutamaan dan strategi bagi merancakkan sektor pertanian agar lebih berdaya saing.

Ia ditunjangi lima hala tuju utama dan disokong 18 strategi dan 51 inisiatif, yang dirangka berdasarkan tiga dimensi sektor agro makanan iaitu keselamatan makanan negara, ekonomi pembangunan luar bandar dan pelaburan swasta serta perdagangan antarabangsa.

Dalam menjamin keselamatan makanan, industri padi dan beras terus diberi perhatian sebagai komoditi utama dengan soal kehilangan padi lepas tuai dilihat ancaman besar, di samping perubahan iklim, ketidakstabilan harja input dan hasil pertanian serta serangan penyakit dan serangga.

Kehilangan padi lepas tuai dianggar 7.9 peratus atau 205,000 tan pada 2016 berdasarkan kajian MARDI. Ia menyamai RM246 juta dan memberi tekanan kepada kedudukan kewangan negara. Justeru, pengendalian hasil lepas tuai diperkuuh, bagi meminimumkan kerugian.

## Jaminan keselamatan makanan

Kegagalan mengurus sistem pengairan dan saliran secara cekap mengakibatkan kerosakan tanaman. Jadi kementerian akan membangunkan prosedur operasi standard (SOP) peringkat nasional bagi Kumpulan Pengguna Air (KPA), manakala audit air akan dilaksanakan untuk memastikan penggunaan pengairan pertanian cekap.

Untuk memastikan tanaman padi mempunyai daya tahan tinggi, pembangunan padi hibrid, padi wangi dan padi myGap dipastikan berterusan. Varieti padi baharu

juga akan dipastikan mempunyai rintangan tinggi ke atas penyakit, dengan penyelidikan dan pembangunan (R&D) varieti berpaduan masalah dan isu setempat.

Bagi menjamin keselamatan makanan, pembangunan tanah ahli peladang dan petani secara berpusat melalui pengurusan Pertubuhan Peladang, akan diteruskan.

Keseluruhan bank tanah tidak diusahakan akan dicadang kesesuaian untuk projek pertanian, manakala pembangunan komersial ke atas tanah pertanian perlu dilindungi. Syarat penurukan tanah pertanian kepada tanah industri pula perlu diperketat, dengan kawasan pengeluaran makanan diwartaikan agar tidak diganggu-gugat pelan pembangunan dirancang.

Ketidaa generasi pelapis dalam industri turut diutamakan, dengan hala tuju menggariskan langkah menjadikan bidang agromakanan sebagai kerjaya pilihan. Ini termasuk memberi perhatian kepada Program Agropreneur Muda yang menyasarkan mereka berusia antara 18 hingga 40 tahun.

Bagi mengelak petani terus bergantung kepada orang tengah, kementerian menekankan penyediaan ruang pasaran baharu khususnya peringkat runcit agar usahawan tani mendapat margin keuntungan lebih tinggi dan memahami kehendak pengguna.

## Fungsi PPK dan PNK

Pembabitan petani dalam industri hiliran akan diperkasa melalui inisiatif pembangunan usahawan seperti Program Geran Pernadanan, Pembangunan Pusat Pemprosesan, Pembangunan Modal Insan serta Pembangunan dan Penjenamaan Produk.

Pada masa sama, projek pertanian rakyat seperti Projek Pembangunan Kluster Tanaman, Projek Tanam Semula Buah-Buahan Terpilih, Projek Pembangunan Ladang Organik dan sebagainya, turut digariskan dalam hala tuju kementerian ini.

Pembangunan model baru Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) pula tepat masanya. Pengkhususan PPK kepada perniagaan satu komoditi sahaja, sama ada pengeluaran tanaman, ternakan, pemasaran, logistik atau industri asas tani, dilihat langkah mempercepatkan transformasi sektor pertanian.

Penempatan pegawai kompeten dan mahir dalam bidang perniagaan, akan memberi kelebihan kepada PNK. Peranan PPK dan PNK sebagai koperasi untuk mengurus kebijakan petani dan nelayan pula perlu dipertingkat supaya kedua-dua entiti terbabit berupaya menjana keuntungan dan memberi pulangan maksimum kepada golongan sasar.

Umumnya, pelaksanaan hala tuju Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani membuka nafas baharu. Pasti pencapaian dan kekangan dalam pelaksanaan hala tuju ini akan dijadikan petunjuk dan input dalam memperkuuhkan Dasar Agromakanan Negara 2.0.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/2/2019	KOSMO	NEGARA	10

Kapasiti simpanan air di P. Pinang menurun, Johor dan Kedah masih cukup

# Paras air empangan menurun

**G**EORGE TOWN – Taburan hujan yang rendah di samping cuaca panas yang melanda negara pada ketika ini telah menyebabkan beberapa empangan mencatatkan penurunan paras simpanan air.

Di Pulau Pinang, Empangan Air Itam dikesan mengalami penurunan kapasiti efektif yang ketara iaitu sebanyak 24.9 peratus sejak awal tahun lalu berbanding kelmarin.

Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP), Datuk Ir. Jaseni Maidinsa berkata, kapasiti efektif empangan itu pada 1 Januari lalu adalah sebanyak 92.2 peratus berbanding hanya 67.3 peratus kelmarin.

“Taburan hujan yang rendah adalah sebab utama penurunan dramatik apabila catatan tolok taburan hujan hanya 94



AHMAD FAIZAL



JASENI



FOUZI

milimeter dalam tempoh berkenaan.

“Sehubungan itu, PBAPP telah melaksanakan langkah-langkah kawalan bekalan air musim kemarau untuk memastikan bekalan air berterusan sehingga tiba musim hujan,” katanya dalam kenyataan semalam.

Menurut Jaseni, penggunaan air yang tinggi di kawasan sekitar menjadi sebab sekunder berlakunya penurunan ketara di empangan terbabit.

Dalam pada itu, jelas Jaseni, Empangan Teluk Bahang di Balik Pulau, dekat sini bagaimana-

pun mencatatkan kapasiti efektif 79.1 peratus kelmarin berbanding 78.8 peratus pada 1 Januari lalu iaitu peningkatan 0.3 peratus.

Semakan di laman web PBAPP petang semalam pula turut mendapati empangan ketiga di negeri itu, Empangan Mengkuang di Bukit Mertajam dekat sini mencatatkan bacaan kapasiti efektif hanya 45 peratus.

Di Johor Bahru pula, Ketua Pegawai Eksekutif Ranhill SAJ Sdn. Bhd., Datuk Ahmad Faizal Abdul Rahman berkata, wa-



BACAAN kapasiti efektif Empangan Air Itam di George Town mencatatkan bacaan menurun kepada 67.3 peratus kelmarin.

laupun bekalan air masih mencukupi, namun langkah berjaga-jaga itu perlu dilakukan memandangkan musim kemarau dijangka berlanjutan sehingga April ini.

“Walaupun bekalan sumber air mentah yang diterima daripada 44 loji rawatan berada pada paras normal dan masih beroperasi seperti biasa, na-

mun ada beberapa muka sauk yang mengalami simptom penyusutan akibat cuaca kering sejak dua minggu lalu.

“Tetapi kita sentiasa melakukan pemantauan di semua muka sauk bagi memastikan air berada pada paras yang mencukupi,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Di Alor Setar pula,

kedudukan takungan air di tiga empangan di bawah Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) masih berada pada paras selesa.

Pengurus Besar MADA, Datuk Fouzi Ali berkata, takungan air yang dicatatkan di Empangan Muda hari ini adalah 59.6 peratus, Empangan Pedu 80.3 peratus dan Empangan Ahning 73.4 peratus.

“Paras air di ketiga-tiga empangan MADA ini masih selesa untuk bekalan domestik serta kegunaan tanaman padi bagi musim 1/2019 pada April ini,” katanya semalam.

Sementara itu, laman web Lembaga Sumber Air Negeri Kedah semalam memaparkan kedudukan takungan bagi Empangan Beris di bawah seliaan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) iaitu 87.76 peratus berbanding 90.02 peratus pada 13 Februari lalu.

Headline	Dulu ternak, kini pengilang madu kelulut		
MediaTitle	Berita Harian (Timur)		
Date	20 Feb 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	11,350
Page No	63	Readership	34,050
Language	Malay	ArticleSize	330 cm <sup>2</sup>
Journalist	Shahrinnahar Latib	AdValue	RM 7,592
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,777



# Dulu ternak, kini pengilang madu kelulut

• Bermula dari suka-suka, Abdullah kini miliki pusat pemprosesan

Oleh Shahrinnahar Latib  
am@hmetro.com.my

► Kuantan

**B**ermula hanya sekadar mengisi masa lapang dengan belajar di YouTube, seorang usahawan dari Permatang Badak di sini berjaya mencipta nama dalam perusahaan madu kelulut di negeri ini sehingga mampu mewujudkan pusat pemprosesan madu.

Malah, usaha yang dilakukan Abdulllah Ahmad, 44, sejak 2014 itu ternyata berbaloi kerana kini

mempunyai produk sendiri, iaitu Madu Plus, selain mampu menawarkan khidmat kilang pengeluar produk tulen (OEM) kepada mereka yang berminat menghasilkan produk madu mereka sendiri.

Abdullah berkata, sebelum mengikuti kursus perternakan madu kelulut dengan MARDI pada 2014, beliau terlebih dahulu mempelajari teknik perternakan kelulut melalui YouTube.

"Niat mula hendak cuba-cuba, tetapi tidak berjaya. Namun selepas saya ikuti kursus di MARDI, Alhamdulillah perniagaan saya semakin berjaya sehingga pada satu tahap saya ada 150 sarang kelulut.

"Namun begitu, akibat serangan perosak dan banjir di kawasan perternakan itu menyebabkan hanya 50 sarang kelulut sahaja yang masih ada hingga kini," katanya ditemui di makmal pemprosesan madu miliknya di Kompleks Pertanian Inderapura di sini, semalam.

Selain itu, Abdullah berkata, kigangnya dapat membantu penter-

nak kelulut dan lebah madu dari segi pembungkusan, selain mendapatkan persijilan halal dan skim pensijilan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI).

## Tak perlu bina kilang

"Ini akan memudahkan lagi perternak kerana mereka tidak perlu membina kilang memproses madu, hantar sahaja dan kami akan proses sehingga menjadi produk yang berkualiti," katanya.

Selain itu, perternak juga boleh menghantar madu kepadanya untuk diproses bagi menghasilkan madu yang berkualiti dengan menggunakan mesin pengeringan madu ciptaan penuntut kejuruteraan di sebuah institusi pengajian tinggi.

"Setakat ini, difahamkan hanya saya mempunyai makmal atau pusat pemprosesan madu kelulut bagi menghasilkan madu berkualiti di daerah ini. Mesin ini boleh memproses antara 40 hingga 50 kilogram (kg) madu kelulut dalam tempoh 48 jam," katanya.



[FOTO SHahrinnahar Latib/BH]

Abdullah menunjukkan produk madu kelulut yang dihasilkan di makmal pemprosesan madu miliknya di Kompleks Pertanian Inderapura, Kuantan, semalam.

Headline	Hard to resolve all problems this week		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	20 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A7	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	207 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,321
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,963



# 美农业部：华取消逾百万吨大豆订单 本周难解决所有问题

中国向美国购买大豆数量，是重点议题之一。

中国国务院副总理刘鹤早前到华盛顿进行第5轮中美贸易谈判，曾向美国总统特朗普当面承诺将向美国增购500万吨大豆。不过美国农业部最新公布的每周出口销售报告显示，截至1月3日当周，中国共取消逾125万吨的美国大豆订单。美国农业部副部长琴斯基周一（18日）在业界会议上表示，两国在谈判上还有很长的路要走，本周不会解决所有问题。

中国是全球最大的大豆买家，自去年中美贸易战爆发后，北京方面对美国大豆征收25%关税，中国对美国大豆的购买量锐减。及至去年12月1日中美暂时休战后，先后两次传出中国向美国复购大豆。报告显示，被取消的订单包括80.7万吨计划输往中国的大豆，以及44.4万吨目的地“不明”的大豆，市场认为后者的目的地也是中国。市场担心，这可能是中国背弃购买更多美国大豆承诺的迹象。

不过有中国交易员认为，被取消的订单应为去年12月前达成的大豆交易。该名拒绝透露身份的交易员称，曾接触两家国有企业，确认他们并未取消订单。

美国农业代表近日齐赴华府，称不少农民陷破产边缘，要求停止贸易战。美国农业部团队上周参与在北京举行的贸易谈判，副部长琴斯基称中美双方分歧已缩小，但还有很长的路要走。他强调，美国的目标不仅是获得中国的采购承诺，还要迫使对方实现基本结



构改革。

他指出，美国希望中国落实在世界贸易组织框架下承诺的小麦、玉米和大米的关税配额，并希望看到中国建立正常的生物技术批准程序；在动物药物，兽药和激素方面遵守国际标准。他相信，双方本周不会解决所有问题。#

# Aplikasi bantu kenali durian

**K**EHADIRAN raja buah iaitu durian amat dinanti penggemarnya setiap kali menjelang musim buah-buahan. Atas usaha pemilik dusun, dengan bantuan Jabatan Pertanian dan Institut Kemajuan dan Penyelidikan Pertanian (MARDI), pelbagai jenis dan baka durian kini berada di pasaran. Berbanding durian kampung, durian klon mempunyai kualiti isi yang khusus dan konsisten dan secara tidak langsung meluaskan lagi potensi pasaran buah ini.

Sebagai pengguna, terdapat keperluan untuk mengenal pasti jenis durian kerana keadaan fizikal luarnya yang hampir serupa untuk kesemua jenis durian. Sehubungan itu, sekumpulan penyelidik dari Fakulti Kejuruteraan, Universiti Malaya (UM) telah membangunkan sebuah aplikasi bagi mengenal pasti jenis durian berdasarkan gambar luaran buah sahaja.

Menurut Pensyarah Kanan Jabatan Kejuruteraan Elektrik UM, Ir. Dr. Chuah Joon

Huang teknik pemprosesan imej yang digunakan untuk membangunkan aplikasi itu adalah menggunakan rangkaian neural yang membolehkan ia menjadi lebih pintar jika semakin banyak imej digunakan untuk dipelajarinya. Proses latihan pengenalan jenis durian untuk aplikasi berkenaan menggunakan dua lapisan rangkaian konvolusi yang akan mengenal pasti ciri-ciri visual imej kulit durian yang dijadikan input.

"Setelah proses latihan ini selesai, aplikasi akan mampu mengenal pasti jenis durian



**ANTARA** gambar digunakan untuk melatih program pengenalan durian.

berdasarkan nilai kebarangkalian tertinggi yang ditunjukkan oleh imej yang diproses," katanya yang juga merupakan penyelidik utama.

Berdasarkan pangkalan data Jabatan Pertanian, terdapat lebih 100 jenis durian yang berbeza di pasaran.

"Penggunaan aplikasi ini bukan sahaja akan memudahkan penggemar durian, malah berpotensi menjadi platform kepada agensi terlibat untuk membangunkan aplikasi serupa. Ia boleh dijadikan penyelesaian kepada pertanian terutama bagi penentusan kualiti hasil pertanian yang popular di pasaran seperti D13, D24, D175, dan D197," katanya.

Potensi aplikasi berkenaan amat luas dan dengan menggunakan lebih banyak imej sebagai input kepada rangkaian neural yang digunakan akan

menghasilkan ketepatan yang jauh lebih tinggi.

Selain kegunaan secara individu oleh pemilik, penjual, dan pembeli durian, inovasi yang dibangunkan itu bakal memberi manfaat untuk semua komponen industri buah-buahan tempatan.

"Saya mengharapkan inovasi ini mampu menjadi pemangkin kepada kesepatan industri pertanian kita agar setanding dengan negara lain," katanya lagi.

Penyelidik bersama, Marcus Lim Guozong berkata, baka D197 atau lebih dikenali sebagai *musang king* di pasaran merupakan antara jenis yang paling digemari kerana kekenaan isinya yang lembut, berkrim dan tidak terlalu pahit.

"Bijinya juga kecil, menjadikannya pilihan utama penggemar durian bukan sahaja

di Malaysia, malah di seluruh dunia.

"Namun, secara fizikalnya D197 tidak jauh berbeza dengan durian D24 walaupun isinya mempunyai kualiti yang agak berbeza. Dari sinilah bermula idea untuk membangunkan sebuah aplikasi yang memudahkan pengguna mengenal pasti jenis durian dari gambar luaran buah sahaja.

Menariknya, aplikasi ini juga mampu membezakan buah tempatan yang menyerupai durian seperti cempedak.

Katanya, ketepatan aplikasi yang dibangunkan setakat ini adalah pada tahap 80 peratus.

"Nilai ini amat memberangsangkan kerana aplikasi ini baru sahaja dibangunkan dan hanya menggunakan imej gambar jenis durian yang popular di pasaran iaitu D13, D24, D175, dan D197," ujarnya.

Berkongsi lebih lanjut Joon Huang berkata, perkara penting yang menjadi pendorong kepada mereka membangunkan aplikasi berkenaan adalah berdasarkan kedudukan Malaysia sebagai salah sebuah negara pengeksport durian. Menurutnya, buah durian menjadi kegemaran ramai rakyat Malaysia dan

banyak negara lain.


Walau bagaimanapun, jumlah jenis durian di pasaran memerlukan teknik pengenal yang efisien supaya orang ramai dapat mengenal jenis kegemaran mereka.

Beliau berkata, meskipun hasrat mencapai nilai ketepatan aplikasi 100 peratus adalah mustahil, pihaknya percaya dengan menambah jumlah gambar dalam latihan rangkaian neural yang dibenam (embedded) dalam aplikasi tersebut, nilai ketepatan dalam mengenal pasti jenis durian dapat dinaikkan.

"Ini mungkin memerlukan bantuan daripada pihak pemborong dan penanam durian," ujarnya lagi.

Mengenai perancangan meningkat taraf aplikasi berkenaan, beliau memberitahu, terdapat pelbagai kemungkinan untuk menjalankan penyelidikan pada masa depan.

Salah satunya adalah menambah jumlah jenis durian yang dapat dikenali dan menambah gambar-



## INFO

► **Nama geran:** Geran dalaman UM

► **Geran mula:** 2017

► **Geran tamat:** 2018

► **Kelebihan inovasi:**

- Mampu mengenal pasti empat jenis durian popular di pasaran dan buah cempedak.
- Ketepatan pada tahap 80 peratus.
- Bersifat mudah alih dan hanya menggunakan imej sebagai input.
- Boleh ditambah baik untuk mengenal pasti buah-buahan lain.

Maklumat lanjut boleh menghubungi [jchuan@um.edu.my](http://jchuan@um.edu.my)

gambar yang digunakan dalam latihan aplikasi tersebut.

Ini penting supaya nilai ketepatan dapat dinatakan lagi.

"Kami percaya teknik-teknik lain yang mungkin boleh dipakai termasuk teknik pengimbasan 3D, iaitu saiz dan bentuk keseluruhan buah durian boleh digunakan sebagai salah satu faktor dalam proses mengenal pasti buah," ujarnya.

Dalam pada itu beliau menjelaskan, terdapat kaedah lain yang boleh digunakan dalam pembangunan teknik pengesahan keranaman bagi buah-buahan seperti epal, rambutan dan tembikai.



DR. MOHD. ISKANDAR ILLYAS TAN menunjukkan aplikasi halal ciptaaninya.

## Mohon sijil halal lebih mudah

**B**AGI mendapatkan sijil halal yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) bukan sahaja sekadar memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan, malah memerlukan dokumentasi yang lengkap.

Tanpa dokumentasi yang lengkap, agak sukar bagi sebuah syarikat atau perniagaan untuk memperbaiki sijil tersebut setiap dua tahun kecuali bagi pusat penyembelihan yang perlu diperbarui pada setiap tahun.

Atas keluhan majoriti perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mengenai kesukaran untuk mendapatkan sijil halal tersebut, Halal Informatics (Holistics) Lab Sdn. Bhd. menawarkan satu perkhidmatan bagi membantu pengusaha perniagaan atau juru audit dalaman dan luaran menggunakan aplikasi QuikHalal bagi memudahkan proses dokumentasi dilakukan dengan pantas, mudah dan mengurangkan kesalahan.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dr. Mohd. Iskandar Illyas Tan berkata, rungutan daripada perniaga PKS dan mereka yang memiliki syarikat besar berkaitan kesukaran

mendapatkan sijil halal mendorong beliau dan tujuh lagi ahli pasukannya mencipta satu aplikasi QuikHalal yang kini boleh dimuat turun melalui Google Play atau Apple Apps Store.

Aplikasi QuikHalal dihasilkan dengan konsep mesra pengguna serta lengkap dengan informasi yang diperlukan.

"Melalui aplikasi ini, tugas

juru audit yang dilantik sama ada juru audit syarikat atau agensi luar lebih mudah apabila boleh mengemas kini maklumat dan dokumentasi yang diperlukan hanya melalui gajet.

"QuikHalal menyediakan senara semak yang lengkap serta menggunakan bahasa yang mudah agar standard-standard yang ditetapkan oleh Jakim jelas difahami oleh pemilik perniagaan," katanya.

Tambah Mohd. Iskandar, beliau dan ahli pasukannya menjalankan penyelidikan mengenai teknologi halal seperti perisian dan sistem sejak 2009 dengan menumpukan kepada organisasi, teknologi, agama, produk dan perkhidmatan serta bidang pengajaran halalan toyibyan.

Katanya lagi, pembangunan aplikasi tersebut secara tidak langsung membantu pihaknya mengenal pasti masalah dan penyelesaian sementara berkaitan isu halal dalam teknologi masa kini dan masa depan terutama

## INFO

► Aplikasi QuikHalal dilancarkan pada 2017.

► Dibangunkan berdasarkan perkomputeran awan (cloud).

► Mereka yang bermintah boleh melanggan pada harga bermula RM99 sebulan.

► Holistic Lab merupakan syarikat terbitan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) berpangkalan di Johor Bahru.

► Ditubuhkan pada Julai 2015.

► Memiliki kepakaran dalam penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan penyelesaian teknologi halal.

► Memiliki pengalaman dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) selama lapan tahun dalam industri halal.

standard-standard sedia ada dan disampaikan kepada pengguna (aplikasi) dalam bahasa yang mudah.

"Pada masa ini, aplikasi ini dimuatkan dalam lima versi bahasa iaitu Melayu, English, Cina, Jepun dan Rusia.

"Sasaran pengguna kami yang terdiri daripada pemilik perniagaan atau juru audit dapat menggunakan aplikasi ini dengan mudah walau di mana sahaja," jelasnya.

Namun bagi yang ingin mencuba terlebih dahulu, boleh memuat turun aplikasi QuikHalal dalam gajet masing-masing tetapi senara semak yang ada tidak lengkap sepenuhnya.

"Saya berharap aplikasi ini dapat diperluaskan ke pasaran luar negara dalam membantu perniagaan untuk memiliki sijil halal."

"Saya juga terbuka sekiranya Jakim atau badan-badan pengeluar sijil halal di seluruh dunia dapat menggunakan aplikasi ini yang ternyata lebih mudah dalam menyediakan dokumentasi," ujarnya.

Katanya lagi, selain senara semak, aplikasi ini juga memudahkan perniagaan dan juru audit untuk memuat naik gambar yang telah dirakam sebagai sebahagian prosedur dokumentasi.

"Melalui gambar tersebut, juru audit juga boleh menandakan sebarang kelemahan atau kesilapan untuk perhatian pemilik perniagaan. Langkah itu memudahkan mereka memperbaiki kelemahan sebelum dokumentasi dihantar ke Jakim bagi kelulusan," katanya lagi. —AOILAH MIOR KAMARULBAID

berkaitan al-Quran, sunah dan undang-undang syariah.

Selain itu, syarikat berkenaan turut mempromosikan inovasi penyelidikan dan pembangunan (R&D) berkaitan perkhidmatan halal dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), logistik serta pengurusan rantai supPLY.

"Kami mengambil masa yang agak lama untuk memahami skim,



DR. MOHD. ISKANDAR  
ILLYAS